



Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/8/1 Jilid 13(3)  
Tarikh : 17 Oktober 2024

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan  
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Daerah Limbang.

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri  
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Daerah Limbang.

Ketua – Ketua Jabatan Persekutuan  
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Daerah Lawas.

Ketua – Ketua Jabatan Kerajaan Negeri  
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ),  
Daerah Lawas.

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2024 (LEJAR AKRUAN)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.600-2/2/4 (8) bertarikh 16 Oktober 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan untuk tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2024 (Interim - Lejar Akruan) berakhir 30 September 2023 oleh Pejabat Perakaunan. Semua PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan Limbang hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut :

- a) Menyediakan Pengesahan Baki bagi kod akaun berikut mengikut panduan yang disertakan bersama surat ini ;

BIL	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL
1.	3.4.1 TERIMAAN TAK DITUNAI	A0311101	B3	Laporan Daftar Cek Tak Laku di Portal iGFMAS
2.	3.4.10 AKAUN BELUM TERIMA	A0481101	B7 & B7(A)	Laporan Invois Terperinci di Portal iGFMAS

BIL	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN	RUJUKAN LAPORAN PORTAL
3.	3.18 DEPOSIT	L11*	N(A) & N(B)	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/Liabiliti/Ekuiti  Laporan Kedudukan Baki Subsidiari/Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit di Portal iGFMAS.

- b) Memastikan Pengesahan Baki yang perlu dikemukakan kepada JANM Cawangan Limbang adalah lengkap dan sempurna selewat-lewatnya **23 Oktober 2024 (Rabu)**. PTJ hendaklah mengemukakan **3 SET ASAL** bagi setiap lampiran yang berkaitan berserta surat iringan.

3. Setiap Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan iaitu **mengikut PTJ DIPERTANGGUNG** dan **disahkan serta ditandatangani oleh Ketua Jabatan** tuan/puan. Format Pengesahan Baki ini boleh dimuat turun melalui portal Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Limbang. Dilampirkan bersama panduan berikut untuk rujukan tuan/puan:

4. Sebarang pertanyaan berhubung pengesahan baki hendaklah dirujuk kepada Unit yang berkenaan di JANM Cawangan Limbang seperti berikut :

Bil	Perkara	Unit / No Telefon
1	Akaun Deposit , Pengesahan ABT <i>Ongoing Receivables</i>	Unit Akaun 085-212355 Ext :133 /138

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra-Peralihan Tahun 2024 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SAZALINA BINTI WAHAP )**

b.p Pengarah Cawangan,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Cawangan Limbang.